

'Sekat kes hidu gam'

2012/04/09

KUALA LUMPUR: Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) mencadangkan kerajaan menggubal undang-undang khas menyekat remaja daripada menyalah guna dan menghidu gam ekoran peningkatan gejala itu di kalangan remaja berumur antara 12 hingga 15 tahun di negara ini.

Ahli Exco MCPF, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata perbuatan itu bukan saja membahayakan kesihatan penagih, malah boleh menjerumuskan remaja berkenaan ke dalam kancah jenayah serta penagihan dadah. Beliau berkata, Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu menggubal suatu akta khusus atau sekurang-kurangnya meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi mengatasi masalah itu.

"MCPF menerima banyak aduan daripada ibu bapa mengenai perkara ini dan sudah tiba masa suatu undang-undang khusus digubal atau setidak-tidaknya akta sedia ada dipinda.

"Peruntukan itu harus menyekat perbuatan menghidu gam, melarang peniaga menjualnya kepada remaja dengan mudah, selain memperuntukkan keperluan kaunseling kepada individu terbabit," katanya.

Ketika ini, peruntukan mengenai perbuatan menghidu gam tidak terkandung dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 menyebabkan pihak berkuasa tidak dapat mengambil tindakan terhadap pihak terbabit.

Lam Thye berkata, gam kayu mudah diperolehi di kedai pada harga RM4 satu tin menyebabkan kegiatan itu semakin berleluasa dalam kalangan remaja.

"Sesuatu perlu dibuat sebelum keadaan menjadi parah. Menghidu gam bukan saja membahayakan kesihatan, tetapi juga menyumbang kepada kegiatan jenayah jika mereka beralih daripada gam kepada dadah," katanya sambil menggesa ibu bapa mengawasi aktiviti harian anak supaya tidak terpengaruh dengan gejala itu.